

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejak bermula operasi Petronas di negeri Sabah pada 1976, berapakah jumlah pendapatan kasar keseluruhan yang telah diperoleh oleh Petronas dari sumber-sumber hasil minyak/petroleum dan gas serta hasil-hasil yang berkaitan dengannya tanpa mengambil kira sama ada sumber minyak/petroleum dan gas yang diperolehi tersebut adalah di dalam 3 batu nautika atau diluar 3 batu nautika dari persisiran pantai Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk rekod PETRONAS, bayaran hasil tunai petroleum yang telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah sehingga 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM15.6 billion.

2. Jumlah ini adalah berdasarkan bayaran lima peratus daripada hasil pengeluaran kasar petroleum, dimana ia disalurkan terus oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun. Maklumat terperinci tentang jumlah hasil pengeluaran kasar petroleum turut disertakan bersama laporan pembayaran tunai tersebut kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

NO. SOALAN : 9

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pengeluaran petroleum di Malaysia dilakukan melalui “*Production Sharing Contracts (PSC)*” bersama pelabur-pelabur. Berdasarkan perjanjian PSC ini, pendapatan kasar keseluruhan untuk setiap PSC adalah tertakluk kepada klausa “*non-disclosure*”, dengan izin, dan tidak harus didedahkan kepada umum.

Sekian, terima kasih.